



5. **Modus Operandi : Kaedah Pemantauan**

- a. Membuat rondaan di kawasan-kawasan yang sensitif seperti bilik-bilik gerakan parti pembangkang dan markas-markas parti pembangkang. Rondaan adalah untuk mencari maklumat dan cara untuk mencegah penglibatan pelajar.
- b. Berada di tempat ceramah parti pembangkang dengan tujuan untuk mendapat maklumat kehadiran dan penglibatan pelajar. Ia juga adalah untuk proses pencegahan. Ini kerana kehadiran secara terbuka akan menyekat kehadiran pelajar.
- c. Berada di kedai dan warung kopi untuk mencari maklumat kehadiran pelajar. Ini kerana di tempat ini banyak maklumat boleh diperolehi.
- d. Berada di masjid dan surau untuk mencari maklumat kehadiran dan penglibatan pelajar. Ini kerana ada masjid dan surau akan digunakan sebagai tempat perbincangan oleh orang-orang kampung.
- e. Mengadakan perbincangan dan lawatan ke bilik gerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO bagi mendapat maklumat mengenai pelajar.
- f. Berada di tempat awam secara terbuka dengan memakai kereta Universiti. Ini bertujuan untuk menunjukkan kehadiran kita secara terbuka dan kaedah ini adalah untuk proses pencegahan.
- g. Bertindak secara pro aktif apabila mendapat maklumat dari pihak berkuasa ataupun dari mana-mana pihak. Tindakan pro aktif adalah seperti pergi ke tempat yang telah dimaklumkan, membuat siasatan, mengesahkan maklumat sekiranya maklumat diperlukan oleh pihak berkuasa, mencari maklumat pelajar dari IPTA lain dan menyalurkan maklumat ke Bilik Gerakan.
- h. Membantu pihak berkuasa dalam apa jua bantuan dan kerjasama yang diperlukan.